



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

GANGGUAN SEKSUAL MESTI DIHENTIKAN KPWKM TERUS PERGIAT KEMPEN KESEDARAN KEPADA MAHASISWA DAN MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 15 OKTOBER – Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual diteruskan ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kali ini diadakan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya. Program telah disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Aiman Athirah Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Program jelajah yang ke-12 ini merupakan Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual selepas Pulau Pinang, Sarawak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah, Kedah dan Perak.

Akta Antigangguan Seksual 2022 [*Akta 840*] telah digubal sebagai satu manifestasi penting Kerajaan bahawa kesalahan gangguan seksual merupakan satu pelanggaran kepada hak asasi manusia. Golongan mahasiswa turut berisiko terdedah dalam isu ini. Penerapan dalam diri berkaitan dengan pengetahuan gangguan seksual dalam kalangan mahasiswa adalah sangat penting bagi memastikan kesejahteraan emosi dan psikologi mereka berada dalam keadaan yang sihat. Normalisasi pelakuan ini sama ada secara terang-terangan atau jenaka akan meninggalkan kesan negatif termasuk trauma dan ketakutan yang berpanjangan.

Sebagai salah satu usaha menangani isu ini, mahasiswa dipelawa menyertai Skwad Waja iaitu sukarelawan di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang berperanan sebagai ejen serta mata dan telinga Kerajaan dalam masyarakat terutamanya bagi golongan yang sering menjadi mangsa keganasan. Penubuhan Skwad Waja bertujuan untuk memperkasa komuniti dengan pengetahuan berkaitan keperluan psikososial dan aktiviti bimbingan bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah.

Statistik oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan jumlah kes gangguan seksual meningkat dari 378 kes pada tahun 2020 kepada 506 kes pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit penurunan pada tahun 2022 iaitu kepada 477 kes. Statistik ini menunjukkan bahawa setiap tahun lebih 90 peratus daripada kes gangguan seksual adalah melibatkan mangsa di kalangan wanita. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada tahun 2022, terdapat 95 kes gangguan seksual di mana 84 kes atau 88 peratus adalah melibatkan gangguan seksual terhadap wanita.

Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual ini adalah antara usaha advokasi berterusan KPWKM dalam menyediakan platform selain membantu meningkatkan kesedaran agar mangsa tampil untuk membuat laporan agar isu ini dapat ditangani dan dihentikan.

Antara pengisian program pada kali ini adalah Taklimat Advokasi Antigangguan Seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Taklimat Peranan Keluarga dalam Membendung Gangguan Seksual oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Forum Bual Bicara Antigangguan Seksual serta jualan produk tempatan yang diusahakan oleh kumpulan sasar KPWKM.

Turut hadir dalam program ini ialah YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs. Dr. Wan Nur Ibtisam binti Wan Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, YB Professor Dr. Sabri bin Musa, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaya (UM), YBrs. Encik Abdul Shukur bin Abdullah, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
15 OKTOBER 2023**